

## MSM lupus tanah RM156 juta

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menandatangani Perjanjian Jual & Beli (SPA) bersama F&N Agrivalley Sdn Bhd bagi melupuskan tanah pertanian seluas 4,453.92 hektar di Chuping, Perlis bernilai RM156 juta.

Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N), yang juga pemilik sepenuhnya F&N Agrivalley antara pengeluar makanan dan minuman antarabangsa terkemuka di rantau ini.

Hasil pelupusan akan diguna pakai bagi pembayaran semula pinjaman bank serta untuk tujuan modal kerja MSM dan anak-anak syarikat.

Pelupusan tanah terbabit yang dimiliki oleh anak syarikat MSM, MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) adalah sejajar dengan pelan kumpulan untuk merasionalisasikan aset dan memberi fokus kepada perniagaan teras.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, transaksi itu turut mengukuhkan lagi kunci kira-kira kumpulan yang mana jumlah hutang juga akan berkurangan.

